

2005

Annual
Report

Laporan
Tahunan



PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI KELANTAN

KELANTAN STATE ECONOMIC DEVELOPMENT CORPORATION

KANDUNGAN

CONTENTS

- 2 Misi & Falsafah Korporat
Corporate Mission And Philosophies
- 4 Ahli Lembaga Pengarah
Board of Directors
- 6 Struktur Organisasi PKINK
PKINK Organisation Structure
- 8 Kumpulan Pengurusan
Management Team
- 9 Perutusan Pengerusi
Chairman's Statement
- 14 Tinjauan Operasi
Operations Review
- 28 Peristiwa Korporat
Corporate Event
- 35 Maklumat Operasi Dan Kewangan
Operation and Financial Highlights
- 38 Penyata Kewangan bagi tahun Berakhir
31 Disember 2005
*Financial Statements for the year
Ending 31st December 2005*



MISI KORPORAT

Sebuah badan korporat yang bertanggungjawab dalam menerajui pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negeri Kelantan, berlandaskan prinsip-prinsip Islam, untuk kesejahteraan Ummah.

FALSAFAH KORPORAT

- Mewujudkan komitmen yang tinggi untuk membangun dan meningkatkan kesejahteraan sosio ekonomi negeri serta rakyatnya.
- Membangunkan negeri Kelantan sebagai sebuah negeri yang berjaya di Malaysia dengan tumpuan khusus diberikan kepada sektor hartanah, perladangan dan industri berasaskan tani.
- Mensasarkan pertumbuhan yang mapan dengan menceburi perniagaan yang memiliki kelebihan daya saing, di samping mengekalkan rasa tanggungjawab kepada masyarakat
- Menggalakkan aktiviti komersil serta mewujudkan peluang pekerjaan di samping membantu menggalakkan pertumbuhan ekonomi serta meningkatkan kerjasama antara sektor kerajaan, pihak swasta dan masyarakat keseluruhannya.
- Menghormati setiap pelanggan dan membalas kesetiaan mereka dengan perkhidmatan yang baik dan produk yang berkualiti melalui dedikasi yang unggul.
- Berpegang teguh kepada nilai-nilai Islam sebagai prinsip dan panduan ke arah mencapai matlamat korporat dan untuk kesejahteraan Ummah.
- Menghasilkan kumpulan kerja yang berkualiti melalui pengwujudan persekitaran kerja yang menjamin peningkatan dan perkembangan peluang kerjaya, di samping menggalakkan semangat berkumpulan serta mewujudkan sikap saling hormat-menghormati dan mempercayai di setiap peringkat dalam organisasi.

CORPORATE MISSION

A Corporate body, operates on Islamic principles with responsibilities in spearheading economic development for the prosperity of the ummah.

CORPORATE PHILLOSOPHY

To be fully committed in developing and uplifting the sosio-economic well-being of the state and its citizens.

To develop Kelantan into Malaysian's most successful state with special focus on property, plantation and agro-industries.

To pursue a sustainable growth and to venture into businesses in which Kelantan has a competitive advantage, while maintaining a sense of responsibility towards the public.

To encourage commercial activities and to create job opportunities while helping to promote economic growth and enhancing working relationship between the government sector, private sector and public at large.

To respect our customers and to reward their loyalty with superior services and best quality products through our dedication to excellence.

To uphold Islamic values as the guiding principles towards achieving corporate goals and 'The Prosperity of the Ummah.'

To produce a quality work-force by creating a conducive environment which will guarantee job enrichment and career advancement. An environment that will foster a spirit of teamwork, trust and mutual respect at every level within the organization.

PENGERUSI *CHAIRMAN*



YAB. TUAN GURU DATO' HJ. NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT
Menteri Besar Kelantan *Chief Minister of Kelantan*
Pengerusi *Chairman*

AHLI LEMBAGA PENGARAH *BOARD OF DIRECTORS*

AHLI LEMBAGA PENGARAH PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN 2005

1. **YAB Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat**
Menteri Besar Kelantan *Chief Minister of Kelantan*
Pengerusi *Chairman*
2. **YB Dato' Haji Ahmad bin Yaacob**
Timbalan Menteri Besar Kelantan *Deputy Chief Minister of Kelantan*
Timbalan Pengerusi *Deputy Chairman*
3. **YB Dato' Haji Mohd Aiseri bin Alias**
Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan *Kelantan State Secretary*
Ahli *Member*
4. **YB Dato' Haji Shkori bin Mohamed**
Pegawai Kewangan Negeri Kelantan *Kelantan State Finance Officer*
Ahli *Member*
5. **YB Dato' Haji Husam bin Musa**
Exco Kerajaan Negeri Kelantan *Kelantan State Exco*
Ahli *Member*
6. **YB Haji Zulkipli bin Mamat**
Exco Kerajaan Negeri Kelantan *Kelantan State Exco*
Ahli *Member*
7. **YBhg Datuk Haji Rameli bin Musa**
Ahli Perniagaan *Businessman*
Ahli *Member*
8. **YBhg Datuk Dr. Abdul Samad bin Haji Alias**
Ahli Perniagaan *Businessman*
Ahli *Member*
9. **YBrs Tuan Haji Azmi bin Mohd Ali**
Ahli Perniagaan *Businessman*
Ahli *Member*
10. **YBhg Datuk R. Karunakaran Ramasamy**
Ketua Pengarah MIDA *MIDA Director General*
Ahli
11. **YBrs Encik Md. Zakaria bin Basimin**
Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi *Ministry of Entrepreneurs and Co-operative Development*
Ahli *Member*
12. **YBrs Tuan Haji Awang bin Che Seman**
Kementerian Kewangan *Ministry Of Finance*
Ahli *Member*

AHLI LEMBAGA PENGARAH BOARD OF DIRECTORS



YAB. Tuan Guru Dato' Haji
Nik Abdu Aziz Bin Haji Nik Mat
Pengerusi
Chairman



YB Dato' Hj. Ahmad Bin Yaakob
Timbalan Pengerusi
Deputy Chairman



YB Dato' Hj.
Mohd Aiseri Bin Alias
Ahli
Member



YB Dato' Hj.
Shkcri Bin Mohamed
Ahli
Member



YB Hj. Husam Bin Musa
Ahli
Member



YB Hj. Zulkifli Bin Mamat
Ahli
Member



Datuk Hj. Rameli Bin Musa
Ahli
Member



Ybhg. Datuk Dr.
Abdul Samad Bin Hj. Alias
Ahli
Member



Ybns Tuan
Haji Azmi Bin Mohd Ali
Ahli
Member



Ybhg. Datuk
R. Karunakaran Ramasamy
Ahli
Member



Ybns Encik
Md. Zakaria Bin Basmin
Ahli
Member




Ybns Hj.
Awang Bin Che Seman
Ahli
Member



STRUKTUR ORGANISASI PKINK

KSEDC ORGANISATION STRUCTURE



KETUA EKSEKUTIF *CHIEF EXECUTIVE*



KETUA EKSEKUTIF
HJ. WAN YAHYA B. WAN SALLEH
MULAI 1 DISEMBER 2005



KETUA EKSEKUTIF
HJ. HANIFA AHMAD
SEHINGGA 23 NOVEMBER 2005



KUMPULAN PENGURUSAN MANAGEMENT TEAM



Hj. Hanifa Ahmad
Ketua Eksekutif
Sehingga 23 November 2005
Chief Executive



Hj. Wan Yahya bin Wan Saleh
Ketua Eksekutif
Mula 1 Disember 2005
Chief Executive



Hj. Mohd Sulaimi Husin
Timbalan Ketua Eksekutif
(P&P)
Deputy CEO
(Planning & Development)




Hj. Wan Adnan Wan Ab. Kadir
Timbalan Ketua Eksekutif
(HEK)
Deputy CEO
(Corporate Affairs)



En. Mohd Adjar Mat Juson
Pegawai Khas Kepada
Ketua Eksekutif
Special Officer to CEO



Hj. Abas Salleh
Pengurus
Audit Dalam & Naziran
Internal
Audit & Inspection Manager



Hj. Mohamad Razali Deraman
Pengurus Kewangan
Finance Manager



Hj. Mohd Suhana Ibrahim Arsal
Pengurus Perancangan Korporat
Corporate Planning Manager



H. Md. Sanusi Ismail
Pengurus Projek & Hartanah
Project & Property Manager



En. Zainal Ab. Rahim
Pengurus Khidmat teknikal
Technical Services Manager



Hj. Mohamad Atwi Ya
Pengurus Pembangunan
Usahawan
*Entrepreneur Development
Manager*



Hj. Baharuddin Harun
Pengurus Bidaan
Industri & IKS
*Industrial & SME
Promotion Manager*



En. Mohd Fauzi Taib
Pengurus Pengurusan
Sumber Manusia
*Human Resource
Management Manager*



Hj. Nik Mohd. Kamal Nik Yusoff
Pengurus Sistem Pengurusan
Maklumat
*Management Information System
Manager*

PERUTUSAN Pengerusi

Segala puji itu hanya tertentu bagi Allah S.W.T Pemilik Kerajaan Langit dan Bumi. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabara-katuh.

Dengan restu dan limpah izinNya saya mewakili ahli-ahli Lembaga PKINK dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan PKINK dan Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2005.

Pada hari ini, tahap perkembangan ekonomi negeri Kelantan banyak dipengaruhi oleh pencapaian kadar pertumbuhan ekonomi negara. Pertumbuhan ekonomi dunia bagi tahun 2005 adalah lebih sederhana pada kadar 4.4% berbanding 4.6% pada tahun 2004. Ini berikutan kesan daripada kenaikan harga minyak yang tinggi dan sekaligus meningkatkan tekanan inflasi walaupun inflasi dijangka terus kekal pada paras melebihi 3% sehingga April 2006. Akibatnya, kuasa beli orang awam turut terjejas dan turut memberi kesan terhadap rakyat negeri Kelantan.

Sehubungan dengan ini juga jalan menuju pemulihan masih jauh dan penuh lipo dengan pelbagai tekanan dan risiko geopolitik. Ancaman kekerasan, tekanan dan paksaan oleh kuasa besar ke atas negara yang tidak sehaluan nampaknya menjadi satu kecenderungan dalam perubahan regime yang cuba dilaksanakan. Segala insiden-insiden yang telah berlaku menimbulkan ketidakstabilan ke atas ekonomi dunia dan juga turut mempengaruhi pertumbuhan ekonomi negara dan negeri Kelantan amnya.

Dalam usaha memastikan ekonomi terus berkembang, kerajaan telah menjalankan beberapa projek sepanjang tahun 2005 termasuk beberapa projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-8. Langkah ini bertujuan untuk mencergaskan semula kegiatan sektor pembinaan, di mana sektor ini telah mengalami pertumbuhan negatif 1.9% pada tahun 2004 dan terus perlahan pada tahun ini.

Apa jua yang berlaku, ekonomi negara masih berkembang walaupun sederhana dalam tempoh suku kedua tahun ini dengan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNIK) pada kadar 4.1%. Bagi keseluruhan

CHAIRMAN'S STATEMENT

All praises to Allah, the possessor of heaven and earth. Regards to our prophet, Rasulullah SAW.

May peace be upon you and may Allah bless you with generosity and prosperity.

With HIS will and blessing, on behalf of KSEDG Board of Directors, I am honoured to present KSEDG annual report and audited financial statement for the year ending 31 December 2005.

As of now, Kelantan's economic growth is very much influenced by the country's economy as a whole. The world's economy expanded 4.4% in year 2005, slightly lower compared to 4.6% charted in year 2004. This moderation resulted from the fuel price hike and the subsequent pressure on the inflation rate, though the rate is expected to remain above 3% till April 2006. The public purchasing power was severely affected, including those living in Kelantan.

In due course, the road to economic recovery will not be smooth, and exposed to various geopolitical liabilities and risks. Powerful nations keep forcing their pressures on non-alliance countries in order to suit theirs for their regime. Such incidences only worsen the world's economy further, hence causing us to feel the ripples which shock Malaysia, and most Kelantan as well.

In order to revitalize the economy, the government continues to invest in projects in year 2005, inclusive of those scheduled under the 8th Malaysia Plan. The aim is to revitalize the construction sector which suffered a negative growth of 1.9% in year 2004 and has slackened further since then.

Despite adverse circumstances, the country's economy still charted a reasonable growth of 6% for the whole year of 2005.

tahun 2005, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) diunjurkan berkembang pada kadar 6%.

Pada umumnya, pertumbuhan ekonomi tahun 2005 telah diterajui oleh 3 sektor iaitu perkhidmatan, pembuatan dan pertanian. Ini sejajar dengan pertumbuhan ekonomi negeri yang dipengaruhi oleh sektor-sektor pembuatan dan perkhidmatan yang mampu merangsang pertumbuhan ekonomi negeri dengan peningkatan sokongan prestasi perbelanjaan pengguna yang lebih tinggi.

Kemajuan dan pengembangan sektor pertanian turut membantu pertumbuhan ekonomi negeri dengan pelbagai langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri termasuklah usaha-usaha dalam meningkatkan pengeluaran dan pemrosesan makanan, khususnya makanan halal. Sektor pertanian dijangka terus berkembang pesat pada tahun ini dan tahun-tahun berikutnya.

Aktiviti pembinaan khususnya dalam sektor harta kediaman dan program rumah kos rendah serta pemulihan projek terbengkalai, dijangka dapat meningkatkan industri pembinaan dalam negeri. Negeri Kelantan dijangkakan mampu bertahan dan mencapai purata kadar pertumbuhan tahunan KDNK yang baik pada tahun 2006.

Menerusi gandingan yang mantap bersama sektor awam negeri, swasta serta seluruh lapisan masyarakat dengan amalan dan penghayatan budaya kerje dan urus tadbir yang cekap dan cemerlang mampu membawa PKINK mencapai misi dan falsafah korporatnya ke arah masa depan yang lebih baik dalam memastikan kejayaan berterusan.

PRESTASI KEWANGAN

Bagi tahun kewangan sehingga 31 Disember 2005, jumlah pendapatan PKINK melonjak 120% kepada RM69.113juta, berbanding RM31.404juta yang dijanjikan dalam tahun 2004. Sumbangan utama ialah jualan projek hartanah yang berjumlah RM61.578juta. Antara projek-projek utama ialah jualan ruangniaga di KB Bazaar, tanah tapak Kelantan Trade Centre serta unit-unit kediaman dan komersil di Sg Durian, Kuala Krai, Machang, Pengkalan Chepa, Bechah Resak dan Taman Sabariah. Sumbangan pendapatan dari sumber-sumber lain iaitu sewaan, hasil pinjaman syarikat anak serta hasil perhutanan dan perkhidmatan merosot sedikit dari tahun 2004.

3 sectors pillared the economy in year 2005, namely services, manufacturing and agriculture. The services and manufacturing sectors in particular prove to be the catalyst in boosting consumer spending in the state.

Advancement in agriculture also played a role in expanding the state's economy with various measures employed to elevate production and encourage downstream processing, especially in the halal food segment. Hence, this sector anticipates tremendous growth in the years to come.

Development of residential properties, low-cost housing and rebuilding abandoned projects will help boost the state's construction sector, which in turn, will sustain the economy at an acceptable growth for year 2006.

KSEDC can look forward to a brighter future since there is a solid collaboration between the public and the private sector, together with a society which practices good corporate governance and excellent work culture.

Financial Performance

For the financial year ending 31 December 2005, KSEDC's income soared 120% to RM69.113m, from RM31.404m generated in year 2004. The primary contribution comes from sales of property development projects which amounts to RM61.578m. Those sold are land for development of Kelantan Trade Centre, in addition to residential and commercial units in KB Bazaar, Sg Durian, Machang, Pengkalan Chepa, Bechah Resak and Taman Sabariah. Income from other sources, namely rented premises, loans to subsidiaries, as well as tributes from forestry and other services, showed a slight drop as compared to year 2004.

Dari sudut pengurusan dan kendalian pula, jumlah perbelanjaan dalam tahun 2005 adalah sebanyak RM18.913juta, meningkat 30% berbanding RM14.629 juta pada tahun 2004. Pertambahan yang ketara hanyalah jumlah peruntukan hutang ragu sebanyak RM3.000juta atas pendahuluan kepada syarikat anak serta sumbangan RM1.000juta kepada Tabung Amanah Tok Kenali. Perbelanjaan lain masih dikawal secara berhemat.

Secara bersih, ini menghasilkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM11.161juta, lebih 50% pertambahan dari keuntungan sebelum cukai RM7.374juta yang dicatatkan untuk tahun 2004.

Di peringkat Kumpulan pula, pendapatan konsolidasi telah meningkat 30% daripada RM175.593juta dalam tahun 2004, kepada RM225.134juta dalam tahun 2005. Pecahan mengikut kategori pendapatan menunjukkan sektor hartanah memberikan sumbangan terbesar iaitu 52% hasil dari jualan unit-unit kediaman dan komersil serta aktiviti-aktiviti pembinaan dan pengkuarian. Dalam tahun 2004, sektor ini menyumbang 42% kepada pendapatan konsolidasi Kumpulan PKINK. Ini diikuti oleh jualan hasil ladang sawit dan getah yang menyumbang sebanyak 23% (Tahun 2004: 29%) manakala aktiviti perhutanan dan pembalakan memberikan 11% (Tahun 2004: 14%) sumbangan pendapatan. Lain-lain sumber pendapatan ialah dari aktiviti perkhidmatan, termasuk upah simpanan dari Sistem Gadaian Islam Ar-Rahn serta pembinaan dan sewaan menara telekomunikasi, dan juga dari aktiviti perhotelan dan rekreasi.

Dalam tahun 2005, Kumpulan PKINK menjanakan pendapatan berkecuali sebanyak RM9.428 juta, yang mana sebahagian besarnya adalah keuntungan jualan 30% ekuiti Permodalan Kelantan Berhad dalam Ladang Serasa Sdn. Bhd.

Hasil dari lonjakan pendapatan, dan dalam riasa yang sama kawalan perbelanjaan secara berhemat, Kumpulan PKINK telah berjaya mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM45.662 juta, naik 103% berbanding RM22.515 juta yang dicatatkan dalam tahun 2004.

On the expenditure side, total amount spent on operation and administration in year 2005 was RM18.913m, up 30% from RM14.629m total expenditure in year 2004. Additional items incurred in year 2005 were RM3.000m from provision of doubtful debt for advances to a subsidiary and contribution of RM1.000m to Tok Kenali Trust Fund. Other expenditure items remain within control and charted only a slight increase.

As for the net result, profit before tax rose 50% to RM11.161m, from RM7.374m recorded last year.

On the Group level, the consolidated income figure rose 30% from RM175.593m in year 2004, to RM225.134m in year 2005. A detail breakdown shows that the property sector contributed 52% of the total consolidated income, mainly from sales of residential and commercial units, as well as from construction and quarrying activities. In year 2004, this sector's contribution was only 42%. The plantation sector came next, with 23% contribution from palm oil and rubber. In 2004 this sector contributed 29% to the total consolidated income.

Placed third in terms of contribution to group's income was from logging and forestry activities which accounted 11% in year 2005, compared to 14% in year 2004. Other sources of group's income were from the services sector, which include the Islamic Education system, the construction and rental of telecommunication towers, as well as the hotel and recreation sector.

In year 2005, KSEDC Group generated an exceptional income of RM9.428m, largely contributed by Permodalan Kelantan Berhad when it disposed all its 30% equity holding in Ladang Serasa Sdn Bhd.

A leap in income, coupled with proper control of expenditures, resulted in RM45.662m profit before tax to KSEDC group of companies, a jump of 103% from RM22.515m recorded in year 2004.

PROSPEK MASA DEPAN

PKINK sentiasa mengambil langkah-langkah bersesuaian dan efisien, sejajar dengan perubahan dan perkembangan ekonomi semasa, melalui pendekatan yang lebih dinamik, progresif dan proaktif dalam meneraju pertumbuhan ekonomi negeri.

Bagi memastikan pembangunan ekonomi dicapai dan memenuhi aspirasi dan amanah rakyat, PKINK sentiasa memastikan setiap projek dan program yang dilaksanakan adalah berlandaskan kepada prinsip-prinsip dan ajaran Islam. Dalam konteks tersebut juga, usaha telah dibuat bagi memastikan perkembangan dan pertumbuhan ekonomi dapat dikecapi oleh seluruh rakyat, dengan penekanan kepada pembinaan kesejahteraan rakyat secara konsisten serta pencapaian yang seimbang dari segi pembangunan ekonomi fizikal dan pembangunan insan atau spiritual.

Saya dan seluruh warga PKINK dengan penuh kesedaran akan sentiasa melipatgandakan usaha bagi memastikan hasrat dan cita-cita untuk memajukan ekonomi ummah rakyat Kelantan tercapai dengan jayanya.

PENGHARGAAN

Bagi pihak PKINK, saya merakamkan setinggi penghargaan serta terima kasih kepada Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Pihak Pengurusan serta seluruh warga kerja PKINK di atas prestasi yang telah ditunjukkan. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Kelantan, Jabatan dan Agensi Kerajaan, individu serta syarikat swasta yang turut memberi sokongan serta kerjasama kepada PKINK dengan harapan agar ianya berterusan untuk masa-masa hadapan.

FUTURE PROSPECT

To keep abreast with the constantly changing economic scenario, KSEDG always adopt dynamic, proactive and progressive approaches in spearheading the state's economic growth. With the people's trust in mind, all projects and programs are conducted in accordance to Islamic teachings and principles. It is the aim of KSEDG that the community at large should always benefit from all the development activities, physically and spiritually.

All members of KSEDG, and myself, will put together relentless efforts to ensure that the aspiration to lift the people's economic well-being in Kelantan is fulfilled.

ACKNOWLEDGEMENT

On the behalf KSEDG, I express my heartfelt gratitude to all the Board members, management team, and the whole workforce of KSEDG for the performance achieved to date. I also like to extend my appreciation to the Federal Government, the State Government of Kelantan, all the Government departments and agencies, private companies as well as individuals who have supported and cooperated with KSEDG and may the collaboration persevere in years to come.

TINJAUAN OPERASI

Sepanjang tahun 2005, pertumbuhan ekonomi negeri berkembang secara positif sejajar dengan pertumbuhan ekonomi negara yang agak pesat. Aktiviti ekonomi negeri Kelantan masih tertumpu kepada sektor-sektor yang memberi impak langsung kepada pertumbuhan ekonomi negeri iaitu sektor perkhidmatan, pembuatan dan pertanian. PKINK sebagai agensi penggerak pembangunan ekonomi negeri terus menumpukan perhatian dalam sektor-sektor yang memberi pulangan yang baik seperti sektor hartanah dan pembinaan, sektor pertanian, perkhidmatan dan juga perladangan.

Penumpuan kepada sektor-sektor ini telah membantu meningkatkan aktiviti dan pertumbuhan ekonomi negeri seterusnya menyumbang kepada peningkatan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat.

Adalah menjadi haerat PKINK selaras dengan dasar Kerajaan Negeri untuk mewujudkan pembangunan seimbang di antara pembangunan fizikal dan pembangunan insan atau spiritual. Untuk itu, PKINK sentiasa berusaha bagi mewujudkan warga kerja yang komited, berintegriti, amanah dan beretika. PKINK memberi tumpuan kepada perkara ini kerana ianya merupakan asas utama dalam menghasilkan pasukan kerja yang amanah dan bertanggungjawab bagi memastikan organisasi terus mantap dan e'sien.

PKINK sentiasa berusaha bagi memenuhi dan mencapai misi dan falsafah korporatnya ke arah menjadi sebuah badan korporat yang bermatamatkan keuntungan dan kebajikan serta menyampaikan perkhidmatan terbaik untuk rakyat Kelantan.

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Bahagian Pengurusan Manusia memainkan peranan penting dalam menguruskan tenaga kerja bagi memastikan ianya berada di tahap kecekapan yang memuaskan dan digunakan seoptimum yang mungkin. Di samping itu, bahagian ini juga bertanggungjawab dalam memastikan kecekapan pentadbiran dan pengurusan serta penyediaan latihan atau kursus yang sesuai mengikut keperluan anggota.

Dalam usaha memantapkan dan mempertingkatkan keupayaan serta tahap kecekapan sumber manusia dalam organisasi, PKINK sentiasa membuat semakan dan meneliti kedudukan semua anggota terutama dari segi penempatan kerja dan keperluan tugas bagi memastikan kesesuaian dan keberkesanan tugas di semua peringkat pengurusan dan pentadbiran.

OPERATION OVERVIEW

Throughout the year 2005, the state's economy has expanded in line with the moderate national growth. The economic activities remain focus on sectors such as services, agriculture and manufacturing, which generates direct impact on the state's economy. Parallel to that, KSEDC continues to act as the state's development catalyst, through its involvement in viable and profitable ventures, with property & construction, agriculture, services and plantation being the key sectors.

Concerted efforts on these sectors has enhanced the state's economic growth and activities, and in due course enhanced the people's standard of living and prosperity.

In line with the state government's aspiration, KSEDC aims to create a balanced development, physically and spiritually. Thus, KSEDC strives to produce a committed, trustworthy, ethical and responsible workforce, which in turn will ensure efficient and resilient organization.

KSEDC will make every effort to accomplish its mission and philosophy of becoming a profit-oriented corporate body which delivers best services to the people of Kelantan.

HUMAN RESOURCE MANAGEMENT DIVISION

This division played an important role in making sure that the organization's workforce is optimize at its most competent level. In addition, this division is also responsible in ensuring smooth administration as well as providing appropriate courses and trainings to the staff.

In relation to that, KSEDC constantly check and revise staff placements and job requirements within the organization to guarantee suitability, relevance and effectiveness at all levels, especially in the events of retirements and new recruitments.

Year 2005 sees the change in top leadership at KSEDC when Hj Wan Yahya Wan Saileh become the new Chief Executive Officer effective 1st December 2005, to replace Hj Hanifa Ahmad, who vacated the post.

This division, via its Corporate Communication Unit, is also involves in various charitable community programs such as during the fasting month of Ramadhan.



Tahun 2005 juga menyaksikan perubahan teraju kumpulan PKINK apabila Haji Wan Yahya bin Wan Salleh telah dilantik sebagai Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK yang baru mulai 1 Disember 2005 bagi menggantikan Haji Harifa Ahmad yang bersara.

Selain itu, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia juga terlibat dalam beberapa program bersama masyarakat yang telah dilaksanakan melalui Unit Perhubungan Korporat bagi mengeratkan hubungan kumpulan PKINK dengan masyarakat melalui program kebajikan dan program ihya' Ramadhan bersama masyarakat.

Di samping itu, usaha mengukuhkan kerjasama dan perpaduan sesama anggota dan juga antara kakitangan bawahan dengan pihak pengurusan serta pihak Kerajaan bagi membentuk dan mewujudkan budaya kerja berpasukan dan cemerlang terus dilaksanakan melalui program-program seperti majlis berbuka puasa anggota, penyertaan dalam majlis hari raya kakitangan Kerajaan Negeri Kelantan, sukan persahabatan antara anggota serta bolesepak antara kumpulan PKINK dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan.

Sementara itu, dalam meningkatkan ilmu pengetahuan dan memberi pendedahan kepada anggota PKINK beberapa program telah disusun sepanjang tahun 2005. Antaranya ialah ceramah keagamaan, ceramah kesihatan, ceramah kemerdekaan dan kursus induksi bagi anggota baru kumpulan PKINK.

Selain itu juga, anggota-anggota telah diberi peluang untuk mempertingkatkan kemahiran dan keupayaan diri bagi memantapkan tahap kerja dengan mengikuti kursus-kursus yang dianjurkan oleh Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan dan badan-badan profesional yang lain.

BAHAGIAN PERANCANGAN KORPORAT

Bahagian Perancangan Korporat terus memalinkan peranan utamanya sebagai pemantau kepada prestasi syarikat-syarikat milik penuh atau majoriti dalam kumpulan PKINK. Sebagaimana tahun-tahun sebelum ini, dua program tahunan yang dijalankan di bawah skop pemantauan ini ialah Pembentangan Semakan Bajet Tahun 2005 pada 2 hingga 4 Ogos 2005 serta Bajet Tahun 2007 pada 28 hingga 30 November 2005.

Kedua-dua program ini berjaya memastikan agar setiap syarikat anak Kumpulan PKINK sentiasa peka dalam mengurus kewangan syarikat mengikut perancangan dan terkawal. Pembentangan tersebut telah diperakukan oleh Majlis Eksekutif dan diangkat untuk makluman Lembaga Perbadanan sebelum diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat masing-masing.

In order to nurture the spirit of teamwork among superiors and subordinates, as well as fostering good relationships with the State Government and related agencies, several efforts were carried out like organizing breaking fast, joining the state's Aidil Fitri celebration as well as holding a football match between the management of KSEDC and the state's assemblymen.

Numerous programs were also conducted in year 2005 to further educate and expose the staff. They include talks on religion and health, dialogue on the meaning of independence, as well as induction courses for new recruits.

On top of that, all members are given the opportunities to broaden their knowledge and skills by joining courses organized by INTAN, State Secretary Of-ice and other professional bodies.

CORPORATE PLANNING DIVISION

This division continues with its core responsibility in monitoring the performances of the group's wholly and majority-owned subsidiaries. As in previous years, two annual programs held under this task is the Mid-Term Review held from 2nd to 4th August 2005 and Budget 2007 Proposal, convened from 28th to 30th November 2005.

These two programs has succeeded in ensuring that each subsidiary is always on its toe in terms of financial planning and control. The presented proposals are endorsed by KSEDC's executive council and tabled to KSEDC's Directors before being approved by the subsidiaries' board of directors.

In the year 2005, this division is directly involved in several corporate exercise concerning companies within KSEDC group, namely:

- 1. the disposal of Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad's (KPKB) 100% equity holding in Murni Hatchery Sdn Bhd to a third party. This is a loss-cutting attempt since the upstream poultry activity engaged by this company is too sensitive to diseases and viral attacks such as SARS and Birds' Flu.*
- 2. the transfer of KPKB's 100% equity holding in Ladang Tapis Sdn Bhd to Sykt Ldg Sg Terah Sdn Bhd. This is a rationalization process in order to allow KPKB to focus safely on agro-bisnis and let SLST handles all the plantation activities.*
- 3. the re-engineering of Murni Marketing Sdn Bhd, whereby a working committee was established to oversee its operation and*

Dalam tahun 2005 juga, Bahagian Perancangan Korporat terlibat secara langsung dalam 'corporate exercise' yang berkaitan dengan syarikat anak PKINK iaitu:

- i) Perjualan 100% pegangan ekuiti Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) dalam syarikat Mumi Hatchery Sdn. Bhd. kepada pihak luar. Ianya adalah satu langkah pembendungan kerugian memandangkan kerugian aktiviti penetasan anak ayam yang diceburi oleh syarikat ini membebankan KPKB.
- ii) Pengambilalih 100% pegangan ekuiti KPKB dalam Ladang Tapis Sdn Bhd oleh Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn Bhd (SLST) yang merupakan satu langkah rasionalisasi agar KPKB dapat menumpukan kepada pembangunan agro-bisnes, manakala aktiviti perladangan kekal diterajui SLST.
- iii) Pemulihan prestasi Mumi Marketing Sdn Bhd (MMSB) di mana satu Jawatankuasa Khas Pemantauan dan Penilaian telah ditubuhkan dan diwakili oleh pengurus dan pegawai BPK bagi memastikan perjalanan operasi dan pemasaran MMSB menguntungkan.

Selain itu, pegawai-pegawai BPK juga terlibat secara langsung dalam menyelaras dan menyelia dua program utama yang disertai oleh Kerajaan Negeri Kelantan iaitu Hari Peladang Peringkat Negeri dan Nasional yang diadakan pada 4 hingga 7 Ogos 2005 di Kota Bharu dan 18 hingga 25 Ogos 2005 di Shah Alam, serta ekspo Shah Alam International Fair (SAIF) yang diadakan pada 26 Ogos hingga 11 September 2005.

marketing activities, with the hope of turning around its sluggish performance.

In addition to that, the officers in this division are also directly involved in facilitating the state government's participation in two major events, namely the Farmers' Day which was held from 4th to 7th August 2005 in Kota Bharu, and from 18th to 25th August in Shah Alam, and the Shah Alam International Fair, from 26th August to 11th September 2005.

PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT (MIS)

Pengurusan Sistem Maklumat menjadi salah satu agenda penting PKINK dalam meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan. Bahagian MIS yang bertanggungjawab dalam menyediakan khidmat kemudahan IT kepada PKINK dan syarikat anak, terus mempergiatkan khidmat sedia ada dan sebahagian besar aktiviti yang dirancang telah berjaya dilaksanakan. Bahagian ini telah berjaya melaksanakan sebahagian besar aktiviti yang dirancang sepanjang tahun 2005. Di antara aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan sepanjang tahun 2005 adalah sepertimana berikut:

- 1. Penyelenggaraan Sistem Komputer dan rangkaian PKINK**
Aktiviti penyelenggaraan sistem komputer seperti perkakasan dan pengisian dijalankan sepanjang tahun dengan kemahiran yang ada pada anggota. Keselamatan sistem rangkaian telah diperkemas dengan penggunaan antivirus Trend Micro serta penstrukturan semula rangkaian. Pengendalian pembelian komputer, peroleh stok peralatan komputer juga merupakan di antara tugas utama Bahagian MIS yang dijalankan sepanjang tahun 2005.
- 2. Pembangunan Sistem Aplikasi dan Laman web**
Pembangunan sistem kewangan Bersepadu PKINK telah dilaksanakan dengan proses kemasukan data tahun 2005. Bagi laman web kumpulan PKINK ianya dipantau dengan kemasukan maklumat-maklumat terkini.
- 3. Perundingan dan Khidmat Nasihat**
Bahagian MIS telah diberi peluang untuk menjadi perunding oleh Planetsoft System Sdn Bhd dalam pembangunan sistem pengkomputeran di Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn Bhd. Bahagian MIS dengan kerjasama Telekom Malaysia Berhad juga telah menganjurkan satu taklimat ERP kepada kumpulan PKINK.
- 4. Latihan /Kursus IT**
Khidmat latihan komputer yang dikendalikan oleh anggota telah diadakan untuk anggota Hotel Perdana Sdn Bhd.
- 5. Lain-lain**
Bahagian MIS juga menyediakan khidmat sewaan LCD Projector dan Makmal Siber. Khidmat ini merupakan penyumbang pendapatan utama Bahagian MIS kepada PKINK.

MANAGEMENT INFORMATION SYSTEM

Managing information system in KSEDC is one of the topmost priority in order to ensure better service deliveries. The MIS department, which handles IT matters for KSEDC Group of Companies, continues doing so in year 2006 with most of the planned activities are successfully implemented. Those activities are;

- 1. Maintaining KSEDC computer network system**
All the hardwares and softwares within the system are serviced internally by the department's personnel. This task includes procuring new computers and other peripherals required by the staff. In 2005, the Trend micro antivirus program was installed to strengthen the system's security, in addition to network restructuring.
- 2. Application system and web development**
Data entries for KSEDC integrated, nancial system commenced in 2005 and throughout the year KSEDC's of, cial web page are consistently updated with latest information.
- 3. Consultation and Advisory**
Planetsoft System Sdn Bhd has entrusted the MIS department as the consultant in developing Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn Bhd's computer system. In collaboration with Telekom Malaysia Berhad, a talk on ERP was conducted for KSEDC Group of Companies.
- 4. IT courses**
A training session for the staff of Hotel Perdana was run by this department in year 2005
- 5. Miscellaneous services**
This department also rented out LCD projectors and its cyber labs to external parties.

BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN

BPU bertanggungjawab dalam membantu menyediakan program dan infrastruktur ke arah membina generasi usahawan yang berkualiti dan bertaqwa selaras dengan dasar mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB).

Dalam konteks tersebut, bagi merealisasikan dasar tersebut, BPU merancang dan melaksanakan pelbagai program termasuklah melaksanakan Program Usahawan Muda, Latihan Keusahawanan, Seminar, Konvensyen, bimbingan dan nasihat.

Sepanjang tahun 2005, Program Usahawan Muda (PUM) diteruskan dengan pelaksanaan beberapa program utama yang melibatkan 24 buah sekolah menengah. Antara program yang telah dilaksanakan ialah:

- i) Taklimat kepada guru-guru Pengelola Sekolah-Sekolah PUM yang telah diadakan di Bilik Operasi PKINK pada 8 Februari 2005.
- ii) Latihan Guru Pembimbing dan Penasihat PUM bertempat di Star Regency Hotel dan Apartments Cameron Highlands pada 27-29 Mac 2005 melibatkan seramai 24 orang guru dan 12 orang penasihat.
- iii) Konvensyen Mini Program Usahawan Muda pada 28 April 2005 bertempat di Dewan Duyung, Perdana Resort PCB dan Konvensyen PUM Peringkat Nasional bertempat di Universiti Putra Malaysia Serdang pada 28 Mei hingga 1 Jun 2005. Sekolah yang terlibat ialah Maahad Muhammadi Lelaki, Maahad Muhammadi Pasir Mas, Maahad Muhammadi (P) Jalan Merbau, SMK (A) Faahiah dan SMK Melor. Tahap pencapaian mereka adalah amat membanggakan kerana mendapat tempat ke-2 keseluruhan terbaik bagi konvensyen tersebut.
- iv) Program PUM Seminar Keusahawanan PUM bagi setiap zon di Negeri Kelantan yang merangkumi Zon I, Zon II dan Zon III.
- v) Penyertaan ke Konvensyen Keusahawanan SISWA IPTA dan Keusahawanan Karniawan Nasional yang bertempat di UiTM Shah Alam melibatkan SMK Melor dan SMU Arab Maahad Muhammadi Pasir Mas. Penyertaan ini berjaya mendapat tempat ke-3 dalam Persembahan Rancangan Perniagaan dan disenaraikan Top Five-5 dalam Kuiz Keusahawanan.

DEPARTMENT OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT

This department is responsible in providing proper programs and infrastructure which are conducive in breeding resilient and ethical entrepreneurs as aspired under the policy of creating Bumiputera Commercial and industrial Community (BCIC).

In due course, this department prepared and conducted various programs such as the Young Entrepreneur Program, courses on entrepreneurship, seminars, conventions, as well as consultations.

Throughout year 2005, 24 secondary schools joined the Young Entrepreneur Programs, which cover activities as follows:

1. *A briefing to conducting teachers was held on 8 February 2005 at KSEDG's headquarters.*
2. *A training session at Star Regency Hotel and Apartments Cameron Highland to 24 facilitating teachers and 12 advisors, from 27-29 Mar 2005*
3. *A mini convention for state and national level was organized on 28 April at Dewan Duyung, and from 28 May to 1 Jun 2005, respectively. The schools involved in the latter program are Maahad Muhammadi (Boys), Maahad Muhammadi Pasir Mas, Maahad Muhammadi (Girls), SMK Fahaiyah and SMK Melor. These schools secured a reputable second spot on overall achievements.*
4. *Entrepreneurial Seminars in every of the three zones in the state*
5. *Participation in Entrepreneurial Conventions for Students of PHLI and National Entrepreneur Convention held in Shah Alam. The two participating schools, SMK Melor and SMU Maahad Muhammadi Pasir Mas were awarded the third placing for Business Plan Presentation and listed within the top five in Entrepreneurship Quizzes.*



Kursus dan Latihan

Bagi mencapai hasrat kerajaan untuk meningkatkan dan membangunkan industri-industri kecil seluruh negeri, khususnya di Kelantan, BPU menjalankan pelbagai aktiviti termasuklah kursus dan latihan-latihan kepada peniaga-peniaga di negeri ini. Di antaranya ialah:

- i) Latihan Keusahawanan Perijaja dan Peniaga Kecil Negeri Kelantan Siri I, II dan III/2005 yang diadakan di Paloh Inn, Wisma Nordin, Kota Bharu dengan penglibatan seramai 33 orang peserta.
- ii) Kursus Intensif Memasak Kek & Biskut selama 2 hari anjuran BPU dengan kerjasama Pusat Usahawan MARA Kelantan telah diadakan di Paloh Inn, Wisma Nordin, Kota Bharu pada 18 Julai 2005 melibatkan seramai 30 orang peserta.
- iii) Klinik Usahawan Satu Dearah Satu Industri telah diadakan dengan jayanya di Dewan Latihan Kaslam Kota Bharu melibatkan jemputan khas penceramah –penceramah dari Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pelancongan Malaysia dan sebagainya.
- iv) Seminar Pembiayaan Prosper (Peruncitan & Otomotif) anjuran bersama Perbadanan Usahawan Nasional Berhad yang bertempat di Bilik Operasi Tingkat 10 Bangunan PKINK, Kota Bharu.

Di samping itu, Bahagian Pembangunan Usahawan turut menyertai beberapa ekspo peringkat negeri dan juga kebangsaan. Antaranya ialah:

- i) Ekspo Keusahawanan Nasional (EKNA 2005) pada 9 hingga 11 Jun 2005
- ii) Shah Alam International Fair (SAIF) pada 26 Ogos hingga 11 September 2005 di Shah Alam.
- iii) Ekspo Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Negeri Kelantan pada 4 hingga 11 Ogos 2005 di Perkarangan Stadium Sultan Muhammad Ke-IV.
- iv) Ekspo Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Kebangsaan pada 8 hingga 24 Ogos 2005.
- v) Ekspo Makanan Halal Antarabangsa Singapura pada 8 hingga 11 September 2005 bertempat di Singapore Expo, Singapura.
- vi) Karnival Produk Halal Sempena Ekspo Kota Bharu Bandar Raya Islam pada 24 September hingga 4 Oktober 2005.

Courses & Trainings

In line with the government's aspirations to cultivate and upgrade small to medium scale industries in Kelantan, this department continues conducting courses and training for entrepreneurs in the state.

Such programs include:

1. *Entrepreneurial Training (3 Series) for Petty Traders in Kota Bharu involving 33 participants*
2. *2-day intensive Bakery Course, in collaboration with MARA Entrepreneur Centre, attracting 30 participants*
3. *"One District One Industry" Clinic, with special presentations by representatives from the Prime Minister's Office Tourism Ministry, etc*
4. *Seminar on PROSPER Financing (for retail and automotive businesses) jointly organized with the National Entrepreneur Corporation*

In addition, this department also acted as the facilitator for local entrepreneurs' participation in expos held either at state level or national level. Among them are;

1. *National Expo for Entrepreneur (EKNA) from 9 to 11 Jun 2005*
2. *Shah Alam International Fair (SAIF) from 26 August to 11 September 2005*
3. *The State Expo for Farmers, Breeders and Fishermen on 4 to 11 August 2005*
4. *The National Expo for Farmers, Breeders and Fishermen from 8 to 24 August 2005*
5. *Singapore International Halal Food Fair from 8 to 11 September 2005*
6. *Halal Products Carnival on 24 September to 4 October 2005, in conjunction with the inauguration of Kota Bharu as an Islamic City*

PEMBANGUNAN HARTANAH

Penglibatan Perbadanan dalam sektor Pembangunan Hartanah digerakkan melalui bahagian Projek dan Hartanah (BPH) serta melalui Syarikat-Syarikat Anak iaitu Binaraya PKINK Sdn Bhd, Pro@Impian Sdn Bhd dan Kumpulan Kelkon Sdn Bhd.

BAHAGIAN PROJEK DAN HARTANAH

Sepanjang tahun 2005 BPH telah berjaya merancang dan membangunkan projek-projek pembangunan hartanah meliputi projek perumahan, perkedai dan pusat pemiagaan komersial yang memberi pulangan dan keuntungan kepada PKINK.

Sepanjang tahun 2005, beberapa projek pembangunan yang masih dalam pelaksanaan berjalan dengan lancar dan mengikut jadual. Di antara projek tersebut adalah:-

1. Projek Pembangunan Pelangi Mall, Seksyen 9, Kota Bharu yang terletak di tepi Sungai Kelantan dengan kos RM 77 juta. Projek ini mencapai tahap kesiapan kira-kira 60% dan dijangka siap sepenuhnya akhir 2007. Mengandungi rumah kedai, arked perniagaan, apartment, kondominium, department store dan lot parking.
2. Projek Pembangunan KB Bazaar, Seksyen 16 Jalan Hamzah telah siap dibina dan mempunyai sijil kelayakan duduk. Bangunan ini telah dibuka untuk jualan pada kadar RM 90,100.00 hingga RM 151,600.00 mengikut kedudukan lot dan tingkat.
3. Projek Pembangunan Intan Plaza Di atas Lot 118, Seksyen 9 Jalan Che Su, Kota Bharu menelan belanja RM 50 juta dijangka siap sepenuhnya akhir 2006. Ia melibatkan menara 17 tingkat yang meliputi apartment dan pusat membeli belah.
4. Pusat Pembangunan Kelantan Trade Centre (KTC) atau Pusat Dagangan Kelantan yang dibangunkan oleh KELKON Sdn Bhd iaitu anak Syarikat PKINK dengan kos RM 50 juta. Ia merangkumi dewan seminar, ruang usahawan, ruang pejabat sedang giat dibangunkan. Bangunan pangsapuri telah siap sehingga 40% dan habis ditempah beli. Keseluruhan projek dijangka siap pada akhir 2007.

PROPERTY DEVELOPMENT

KSEDC's involvement in property development is spearheaded through its own Projects and Property Division, as well as through subsidiaries, namely Binaraya PKINK Sdn Bhd, Profil Impian Sdn Bhd and Kelkon Group.

Development Projects

Throughout year 2005, the Projects and Property Division has planned and implemented several profitable projects which encompass residential and commercial development. Those projects are:

1. *Pelangi Mall in Section 9 Kota Bharu, along the banks of Kelantan River, costing RM77m. This project reached 60% completion in 2005 and will be fully completed at the end of year 2007. The complex will house shop units, business arcades, apartments, condominiums, a department store and parking lots.*
2. *KB Bazaar in Section 16 Kota Bharu is fully completed and awarded Certificate of Fitness in year 2005. The units are offered for sale at price tags ranging from RM90,100 to RM151,600.*
3. *Intan Plaza on Lot 118 Section 9 Kota Bharu, is expected to be fully completed at the end of year 2006, at a total cost of RM50m. This plaza comprises shopping arcades as well as a 17-Door apartment block.*
4. *Kelantan Trade Centre, which is entrusted to subsidiary Kelkon Sdn Bhd. This RM50m-complex will have an exhibition center, business units and office spaces. Construction is aggressively undertaken with the sold-out apartment block reaching 40% completion and the whole project will be fully completed at the end of year 2007.*

BINARAYA PKINK SDN BHD

Sepanjang tahun 2005, projek-projek pembangunan hartanah yang Isin giat dijalankan oleh Syarikat Anak iaitu Binaraya PKINK Sdn Bhd. Ia merupakan Syarikat Anak milik penuh PKINK yang memainkan peranan penting untuk menjana aktiviti-aktiviti pembangunan projek hartanah bagi kumpulan PKINK. Projek-projek yang telah dijalankan terdiri daripada projek perumahan dan projek pembangunan rumah kedai yang memberi keuntungan kepada syarikat. Projek-projek yang telah berjaya disiapkan sepanjang tahun 2005 meliputi dua projek perumahan dan dua projek pembangunan rumah kedai iaitu:

Projek Perumahan

- i. Pembinaan 12 unit banglo satu tingkat di Taman Sri Mesa Binaraya (Fasa 1A), Gual Perliuk, Pasir Mas yang bernilai RM1.448 juta.
- ii. Pembinaan 66 unit rumah teres satu tingkat, Desa Ar-Rahman Binaraya (Fasa 1A), Sg. Durian, Kuala Krai yang bernilai RM4.752 juta.

Projek Pembangunan Rumah Kedai

- i. Pembinaan 9 unit rumah kedai/pejabat tiga tingkat di Taman Sri Lundang Binaraya, Jalan Sultan Yahya Petra, Kota Bharu yang bernilai RM5.684 juta.
- ii. Pembinaan 8 unit rumah kedai dua tingkat di Taman Binaraya (Fasa 2B), Desa Kemumin, Jalan Padang Tembak Pengkalan Chepa, Kota Bharu yang bernilai RM1.434 juta.

PROFIL IMPIAN SDN BHD

Dalam tahun 2005, syarikat ini masih menumpukan peraksanaan pembangunan hartanah di Taman Kurnia Jaya Pengkalan Chepa iaitu:

- i. Pembinaan 123 unit rumah yang merangkumi 73 unit rumah teres satu tingkat, 32 unit rumah teres dua tingkat dan 18 unit rumah berkembar dua tingkat di Taman Kurnia Jaya (Fasa 4A) yang bernilai RM7.884 juta.
- ii. 4 unit banglo dua tingkat di Taman Kurnia Jaya (Fasa 4A) yang bernilai RM1.198 juta.

PEMBINAAN

KELKON SDN BHD

KELKON Sdn. Bhd yang ditubuhkan pada 1 Oktober 1980 merupakan salah sebuah anak syarikat PKINK yang memainkan peranan aktif dalam memajukan sektor pembinaan di Kelantan. Selain itu, Kelkon juga melibatkan diri dalam bidang Hartanah, Pengkuaran dan Pembuatan seperti kerangka bumbung dan konkrit sedia banchuh.

BINARAYA PKINK SDN BHD

In year 2005, Binaraya PKINK Sdn Bhd continues implementing most of the residential and commercial development within the Group.

Residential Projects

1. 12 units of single-storey bungalows in Taman Sri Mesa (Phase 1A) Gual Perliuk Pasir Mas, worth RM1.448m
2. 66 units single-storey terrace in Desa Ar-Rahman (Phase 1A) Sg Durian Kuala Krai, worth RM4.752m

Commercial Projects

1. 9 units 3-storey shophouses in Taman Sri Lundang, Jalan Sultan Yahya Petra, Kota Bharu, valued at RM5.684m
2. 8 units double-storey shophouses in Taman Binaraya (Phase 2B) Desa Kemumin, Jalan Padang Tembak, Pengkalan Chepa Kota Bharu, valued at RM1.434m.

PROFIL IMPIAN SDN BHD

In 2005, efforts are still focused on the development of Taman Kurnia Jaya, with the recent addition of Phase 4A being:

1. 73 units single-storey terrace, 32 units double-storey terrace and 18 units double-storey semi-Ds. RM7.884m in value
